

08/01/2003

Pakej rangsangan persediaan hadapi kelembapan ekonomi

Azmi Md Deros

LANGKAH kerajaan untuk memperkenalkan satu lagi pakej rangsangan ekonomi melalui pelaksanaan projek pembangunan prasarana dengan kesan penggandaan yang tinggi adalah sebagai persediaan dalam menghadapi kemungkinan berlaku kelembapan ekonomi dunia.

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz, berkata kerajaan perlu membuat perbelanjaan rangsangan bagi mengurangkan kesan yang dijangka dialami negara ini jika tercetusnya peperangan antara Amerika Syarikat (AS) dan Iraq yang sudah tentunya akan menjejaskan pertumbuhan ekonomi dunia.

Beliau berkata, kelembapan ekonomi dunia akan memberi kesan langsung kepada ekonomi Malaysia kerana negara ini banyak bergantung kepada pasaran eksport.

"Ia juga akan turut menjejaskan aliran masuk pelaburan dan perdagangan ke negara ini. Jadi sebelum ia menjejaskan kita, kerajaan mengambil langkah rangsangan iaitu kita mendahului kemungkinan berkenaan.

"Perbelanjaan kerajaan yang diturunkan ke peringkat akar umbi melalui pelaksanaan projek prasarana dan pembangunan akan memberi banyak kesan limpahan kepada ekonomi negara," katanya selepas menyampaikan sijil Tabika Kemas-Philips Kampung Senggang, Kuala Kangsar, semalam.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa kerajaan mungkin melaksanakan satu lagi pakej rangsangan tahun ini bagi merancakkan pertumbuhan ekonomi negara.

Dr Mahathir yang juga Menteri Kewangan berkata, langkah seperti menyuntik dana ke dalam ekonomi dan membelanjakan wang bagi projek jangka pendek mungkin diambil bagi meningkatkan pengedaran wang dalam negara.

Jika dilaksanakan nanti, ia adalah yang ketiga sejak pakej rangsangan pertama dilaksanakan pada Mac 2001 membabitkan dana RM3 bilion dan pakej kedua sebanyak RM4.3 pada penghujung 2001.

Rafidah menegaskan, kerajaan boleh melaksanakan pakej rangsangan yang sudah terbukti berjaya memesatkan pertumbuhan ekonomi negara kerana ia mempunyai kemampuan kewangan untuk berbelanja.

Beliau juga berkata, walaupun prestasi pelaburan seluruh dunia dijangka muram jika peperangan antara AS dan Iraq itu berlaku, kerajaan akan tetap meneruskan promosi pelaburannya mengikut kesesuaian.

Sementara itu, mengulas mengenai langkah kerajaan mengkaji pelbagai mekanisme, termasuk penubuhan jentera tujuan khusus (SPV) bagi menyelamatkan amanah saham negeri, Rafidah berkata, ia bertujuan memastikan rakyat yang menyumbang kepada kegiatan ekonomi negara dengan membeli saham amanah tidak terlalu terjejas dengan kejatuhan harga saham amanah negeri yang terbabit.

Katanya, beliau sendiri ada berbincang dengan Perdana Menteri mengenai masalah yang dihadapi pelabur akibat kejatuhan teruk nilai beberapa saham amanah negeri.

Rafidah berkata, namun rakyat harus faham prestasi saham amanah bergantung kepada prestasi di pasaran saham.

Berita Harian Isnin lalu melaporkan kerajaan mungkin menubuhkan sebuah SPV bagi menyelamatkan beberapa amanah saham negeri yang prestasinya terjejas teruk akibat kegawatan ekonomi pada 1997/1998.